KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS LATEKS AGROPOLITAN CHEMOMOI

PADA:

19 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

12.00 TENGAH HARI

LOKASI:

LADANG AGROPOLITAN CHEMOMOI,

BENTONG, PAHANG

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI
(Akan disediakan pada hari program)

MUKADIMAH

1. Perkataan ‘tamadun’ berasal daripada akar kata bahasa Arab, yang membawa makna kemajuan peradaban atau kehidupan sesebuah masyarakat. Kata dasar ‘madana’ yang bermaksud menetap atau menghuni, merujuk kepada masyarakat yang hidup secara teratur dan membangun di sebuah tempat.

2. Sejarah tamadun menunjukkan bahawa sesebuah bangsa akan maju apabila infrastruktur fizikal dan kemajuan modal insan bergerak seiring - terutamanya di kawasan luar bandar yang menjadi nadi pembangunan ekonomi asas.

3. Dalam konteks Malaysia, kawasan luar bandar menyumbang kira-kira 30% daripada populasi negara dan memainkan peranan penting dalam sektor pertanian,

komoditi, dan industri asas tani. Justeru, konsep **tamadun desa** menjadi sangat penting bukan hanya untuk membangunkan infrastruktur, tetapi juga memastikan pembangunan yang inklusif dan lestari.

4. Oleh itu, dalam usaha membangunkan **tamadun desa** yang berfokus kepada pembangunan prasarana, pengukuhan modal insan, dan penciptaan peluang ekonomi ini – **Ladang Agropolitan Chemomoi** dilihat menjadi contoh pemacu transformasi kawasan luar bandar sebagai pusat pengeluaran komoditi yang mampan dan berdaya saing.

PROJEK AGROPOLITAN: TRANSFORMASI MASYARAKAT MELALUI ASPIRASI DESA MADANI

Hadirin sekalian,

5. Melalui Rancangan Malaysia Ke-10 yang lalu, Program Lonjakan Mega Luar Bandar telah dirangka, dan antara inisiatif utama program ini merupakan **pelaksanaan Projek Agropolitan.** Ia merupakan projek bersepadu dan komprehensif dengan bermatlamatkan membasmi kemiskinan tegar serta mempergiat pembangunan di kawasan luar bandar yang mundur, terpencil, dan terbiar.

6. Projek Agropolitan yang digerakkan oleh KKDW ini berlandaskan tiga komponen utama:

- **Pertama**, pembangunan **infrastruktur asas** seperti jalan raya, bekalan air, elektrik, dan perumahan bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.
- **Kedua**, pembangunan ekonomi yang melibatkan **aktiviti pertanian dan perusahaan** untuk menjana pendapatan mampan kepada peserta.
- **Ketiga**, **pembangunan modal insan** melalui pemerkasaan kemahiran dan keupayaan peserta, memastikan mereka dapat mengurus serta memajukan aktiviti ekonomi dengan lebih berkesan.

7. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek ini, KKDW menerusi RISDA telah melaksanakan lima buah Projek Agropolitan, iaitu:

a. Projek Agropolitan Gahai, Kuala Lipis, Pahang (mulai tahun 2006);
b. Projek Agropolitan Ganda, Gerik, Perak (mulai tahun 2009);
c. **Projek Agropolitan Chemomoi, Bentong, Pahang (mulai tahun 2010);**
d. Projek Agropolitan Ulu Awik, Saratok, Sarawak (mulai tahun 2011); dan

e. Projek Agropolitan Nanga Sekuau, Sibu, Sarawak (mulai tahun 2011).

8. Lima Projek Agropolitan yang dilaksanakan oleh KKDW melibatkan kos pembangunan hampir **RM100 juta** dan merangkumi kawasan seluas **2,946.64 hektar**. Projek ini telah memberi manfaat kepada **1,197 keluarga** di seluruh negara.

9. Fokus utama **Projek Agropolitan** yang diuruskan oleh RISDA adalah untuk membangunkan komuniti desa dengan menjadikan hasil komoditi sebagai pemacu kepada pembangunan ekonomi yang lebih berdaya saing.

10. Sebagai contoh, **Projek Agropolitan Chemomoi** dibangunkan oleh KKDW dengan kos **RM21.73 juta**, melibatkan kawasan seluas **521.27 hektar**, di mana **505.49 hektar** daripadanya ditanam dengan getah sebagai komoditi utama.

11. Apabila projek pembangunan komoditi seperti ini dilaksanakan, keperluan komuniti sebagai peserta utama tidak diabaikan. Prasarana asas seperti rumah kediaman, jalan raya, bekalan air dan elektrik, surau, dewan, tadika, serta pusat niaga disediakan untuk memastikan kesejahteraan hidup mereka.

12. Kemudahan prasarana yang lengkap ini penting bagi menyokong aktiviti harian komuniti, memudahkan urusan sosioekonomi, dan akhirnya membantu meningkatkan produktiviti hasil komoditi dengan lebih efisien.

13. Syabas dan tahniah kepada RISDA atas kejayaan melaksanakan projek ini dengan penuh komitmen. RISDA telah membuktikan peranan pentingnya dalam membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada komuniti desa."

KOMPLEKS PENGUMPULAN HASIL LATEKS

Hadirin dan hadirat sekalian,

14. Hari ini, peserta Projek Agropolitan Chemomoi bertambah bertuah kerana kawasan ini kini akkan dilengkapi dengan sebuah **Kompleks Pengumpulan Hasil Lateks** yang moden. Inilah komitmen Kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran hasil getah berkualiti tinggi – ditambah lagi dengan kerjasama strategik bersama **Malaysian Rubber Development Corporation (MARDEC)** dalam memastikan pemasaran hasil lateks yang lebih meluas dan berdaya saing.

15. Kompleks ini mampu menampung penyimpanan hasil lateks sehingga **30 metrik tan** pada satu-satu masa.

Dengan kapasiti ini, **ia bukan sahaja memudahkan proses pengumpulan dan pengurusan hasil, tetapi turut meningkatkan kecekapan rantaian bekalan getah** di kawasan ini. Lebih penting, kompleks ini juga menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat, sekali gus menjana ekonomi desa.

16. Saya mahu usaha **'game changer'** seperti ini diteruskan dan diperkasakan dengan penggunaan teknologi moden dalam pengurusan lateks, yang berpotensi meningkatkan hasil pengeluaran sehingga **20%**. Agenda peningkatan hasil lateks dan pengukuhan industri getah perlu menjadi keutamaan demi masa depan yang lebih mampan.

17. Kita perlu mencari kelebihan baharu dan memberi tumpuan khusus untuk memulihkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri getah dunia. Pada masa yang sama, kita mesti memastikan kemakmuran yang dikecapi ini turut dinikmati oleh pekebun kecil dan komuniti desa.

18. Bagi menjayakan agenda ini, sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan amat diperlukan. Melalui kolaborasi strategik, program bersasar, dan pendekatan yang menyeluruh, kita dapat memastikan manfaat ini bukan sahaja dinikmati oleh peneroka, tetapi juga rakyat secara keseluruhannya.

CADANGAN PENANAMAN SEMULA GETAH BERSKALA BESAR

Hadirin sekalian,

19. Melihat kepada situasi semasa cabaran sektor komoditi dan komuniti getah di negara ini, ia menuntut kita melaksanakan **perubahan yang lebih besar**, bagi mengembalikan era kegemilangan kita sebagai antara negara pengeluar terbesar hasil getah asli dunia.

20. Sebagai contoh, kejayaan Ivory Coast di Afrika memberikan inspirasi kepada kita. Negara ini yang dahulunya tidak dikenali sebagai pemain utama dalam industri getah, kini telah berjaya melonjak menjadi pengeluar utama getah asli di benua Afrika.

21. Kisah kejayaan seperti di Ivory Coast ini membuktikan bahawa perubahan struktur dan fokus yang betul mampu mengubah landskap ekonomi negara.

22. Ini sewajarnya menjadi motivasi kepada kita, rakyat Malaysia, untuk bangkit dan mengembalikan industri getah negara ke tahap kegemilangan. Potensi yang dimiliki Malaysia sebagai negara tropika yang kaya dengan sumber semula jadi harus dimanfaatkan

sepenuhnya bagi merancakkan semula pertumbuhan industri getah yang pernah menjadi kebanggaan kita.

23. Dulu, Malaysia pernah menjadi pengeksport getah terbesar dunia. Kini, negara seperti Thailand dan Indonesia mendominasi industri ini. Kita perlu menyusun semula strategi dan meningkatkan daya saing untuk mengembalikan kedudukan Malaysia sebagai peneraju utama pasaran getah dunia.

24. Seperti yang saya sebutkan, kita perlu merencana semula strategi dengan pendekatan ladang berskala besar, pemodenan teknologi, dan kerjasama strategik. **Projek Ladang Agropolitan Chemomoi** ini membuktikan bahawa usaha seperti ini mampu meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan mampan kepada pekebun kecil.

25. Pelaksanaan ladang berkonsepkan estet bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan negara kepada import getah bernilai RM6 bilion, tetapi juga menjadi **'game changer'** yang mengembalikan daya saing Malaysia sebagai peneraju pasaran getah global.

26. Saya menyeru kerajaan negeri dan agensi berkaitan untuk bekerjasama dengan RISDA dalam memperluaskan

model kejayaan ini ke kawasan-kawasan berpotensi lain. Kejayaan Projek Agropolitan Chemomoi ini wajar dijadikan contoh dan pemangkin kepada pembangunan luar bandar yang lebih mampan.

27. InsyaAllah, **saya akan membawa inisiatif ini ke peringkat yang lebih tinggi melalui Mesyuarat MEXCLUB** agar lebih banyak pihak dapat menyokong dan merealisasikan agenda penting ini.

HARAPAN DAN PENUTUP

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

28. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada RISDA kerana pada hari ini, RISDA bakal menyampaikan beberapa dividen kepada warga pekebun kecil yang terlibat hasil daripada pengurusan dan pemantauan efisien yang telah dilaksanakan oleh RISDA melalui syarikatnya, RISDA Plantation Sdn. Bhd. (RPSB).

29. Saya mahu lihat komitmen berterusan dari semua pihak untuk memastikan industri getah kembali menjadi kebanggaan negara. Saya sendiri akan berikan komitmen saya terus memastikan usaha ini diperkasakan, bukan sahaja untuk meningkatkan produktiviti tetapi juga untuk

menjamin masa depan yang lebih baik buat pekebun kecil dan komuniti desa.

30. RISDA telah membuktikan keupayaannya sebagai peneraju kemajuan pekebun kecil, dan dengan sokongan penuh daripada semua pihak berkepentingan - kita pasti mampu membawa industri getah ke tahap yang lebih tinggi.

31. Sebagai penutup bicara, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya berbesar hati merasmikan **Kompleks Lateks Agropolitan Chemomoi.**

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima Kasih.